



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS KONVOKESYEN PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) TAHUN 2023

SHAH ALAM, 25 JUN 2023 - Majlis Konvokesyen Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Tahun 2023 telah berlangsung hari ini di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor dan melibatkan seramai 770 graduan dari CIAST dan Kampus Satelit CIAST (CSC) yang telah berjaya menamatkan latihan di peringkat Diploma Lanjutan, Diploma dan Sijil.

Secara keseluruhannya, seramai 12,356 tenaga pengajar TVET telah berjaya menamatkan pengajian di CIAST, semenjak program ini dimulakan pada tahun 1998. Kejayaan ini dapat dicapai dengan adanya kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak iaitu institusi dan agensi yang terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan TVET, terutamanya Pusat Bertauliah awam dan swasta yang membuka peluang dan menyediakan laluan kepada para graduan CIAST bagi membina kerjaya.

Anugerah Graduan Terbaik diberikan kepada:-

- i. Muhamad Shrolhafizan Bin Othman, pelajar Kursus Diploma Pengajar Vokasional (DPV) September 2020 dari kampus CIAST.
- ii. Mazliza Melati Binti Ramli, pelajar Sijil Pengajar Vokasional (VTO) Ogos 2021 dari CSC ILP Kepala Batas.

- iii. Amad Yusri Bin Mohd Yunus, pelajar Sijil Pengajar Vokasional (VTO) Januari 2022 dari Kampus CIAST.
- iv. Muhammad Hafiezul Aziz, pelajar Sijil Pengajar Vokasional (VTO) Januari 2022 dari CSC ILP Sandakan.
- v. Muhammad Zulhusni Bin Samsudin, pelajar Sijil Pengajar Vokasional (VTO) Januari 2022 dari CSC ADTEC Melaka.
- vi. Nur Diyana Binti Edishah, pelajar Sijil Pengajar Vokasional (VTO) Januari 2022 dari CSC ADTEC Jerantut.

Y.Bhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia yang mewakili YB Tuan V.Sivakumar, Menteri Sumber Manusia telah menyempurnakan Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2023. Hadir sama pada konvokesyen ini adalah Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran, Ts. Dr. Mohamad bin Sulaiman, Pengarah CIAST, Zuleah binti Darsong, Timbalan Ketua Pengarah JTM, Ts. Kamaruzaman Bin Haji Md. Ali dan Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, En. John Riba Anak Marin, Ketua Eksekutif HRD Corp, Y.Bhg. Datuk Shahul Hameed Dawood, Naib Presiden FMM Institute, Y.Bhg. Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw dan Timbalan Presiden FeMAC, Ts. Dr. Ravinthiran A/L Ramasamy.

Peranan CIAST dalam membangunkan tenaga pengajar TVET ini adalah selaras dengan hasrat yang telah dirangkum dalam Pelan Strategik Jabatan Pembangunan Kemahiran tahun 2020 hingga 2025 iaitu bagi melahirkan modal insan berkemahiran yang berpengetahuan, responsif, dinamik, kreatif dan inovatif serta berdaya saing tinggi dalam arus perubahan supaya kekal relevan sebagai tenaga mahir dalam industri.

Y.Bhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang berharap agar CIAST terus melahirkan lebih ramai tenaga pengajar TVET yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Hal ini

selaras dengan hasrat negara yang mensasarkan seramai 35% tenaga kerja mahir negara menjelang tahun 2030. Seterusnya, mampu menyumbang kepada penurunan kebergantungan negara terhadap pekerja asing yang tidak terlatih.

Graduan yang diraikan pada hari ini telah memenuhi kelayakan sebagai tenaga pengajar TVET yang akan menggalas tanggungjawab melatih pekerja mahir dalam bidang kemahiran. Komitmen yang tinggi diperlukan bukan sahaja dalam penyampaian latihan kemahiran, tetapi juga penerapan nilai sahsiah, daya cipta, berintegriti dan berdaya saing seiring konsep Malaysia Madani.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA